

07/08/2003

Dr Siti Hasmah sambut ulang tahun perkahwinan ke-47

ISTERI Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali (tengah) meluangkan masa memotong kek sempena ulang tahun ke-47 perkahwinannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas perasmian Kejohanan Badminton Piala Perdana 2003, di Stadium Mini Bistari, Ayer Keroh, Melaka semalam.

Majlis ringkas itu turut diraikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam (kiri) dan isterinya, Datin Seri Asmah Abdul Rahman serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Rosli Joharie

Dr Siti Hasmah yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) berada di sini sejak kelmarin untuk menyaksikan kejohanan membabitkan isteri menteri, timbalan menteri, ketua menteri, menteri besar dan wakil rakyat.

Kejohanan lima hari itu membabitkan 11 pasukan dari Perlis, Perak, Sabah, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Sarawak, Pahang dan tuah rumah, Melaka.

Kejohanan anjuran Bakti bermula pada 1985 pada mulanya dikenali Kejohanan Badminton Piala Pusingan Toh Puan Suhaila sebelum ditukar kepada Piala Perdana selepas Dr Mahathir menyumbang piala pusingan pada 1990.